

# EkuiNAS kaji semula cadangan penyenaaraian Ilmu

**KUALA LUMPUR** – Ekuiti Nasional Bhd. (EkuiNAS) sedang mengkaji semula cadangan awal untuk menyenaraikan Kumpulan Pendidikan Ilmu (Ilmu) di Bursa Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syed Yasir Arafat Syed Abd. Kadir berkata, pihaknya sedang melihat semula strategi untuk memaksimumkan pelaburan dalam Ilmu dan mengambil langkah penstrukturan serta mengatur semula portfolio kumpulan pendidikan ini.

“Setelah berbincang dengan lembaga pengarah, kami merasakan penyenaaraian bukanlah satu langkah terbaik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung prestasi EkuiNAS ta-

hun 2016 di sini semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Pengerusi EkuiNAS, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

**ekuiNAS**  
EKUITI NASIONAL BERHAD

Institusi di bawah naungan Ilmu terdiri daripada Kumpulan Pendidikan APIIT yang merangkumi Universiti Teknologi dan

Inovasi Asia Pasifik, Sekolah Pintar Asia Pasifik dan Sekolah Antarabangsa Asia Pasifik.

Selain itu ialah Kumpulan Cosmopoint yang memiliki Universiti Kolej Metropolitan Kuala Lumpur, Tenby Educare Sdn. Bhd., Universiti Antarabangsa UNITAR dan APIIT Langka yang melibatkan Institut Teknologi Maklumat Asia Pasifik di Sri Lanka.

Selain itu, EkuiNAS kini



**SYED YASIR ARAFAT** (kanan) dan **Abdul Rahman** (tengah) melihat laporan prestasi EkuiNAS yang ditunjukkan oleh **Raja Arshad** di Kuala Lumpur semalam.

dalam peringkat akhir untuk meraih pegangan dalam sebuah syarikat rekaan dan kejuruteraan dalam usaha memperluaskan lagi portfolio pelaburannya.

Syed Yasir Arafat menjelaskan, pihaknya bakal mengumumkan keputusan urus janji tersebut dalam tempoh tiga hingga empat bulan akan datang,” ujarnya.